

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' SRI REEZAL MERICAN  
BIN NAINA MERICAN [ KEPALA BATAS ]**

**SOALAN NO. 375**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan jumlah vendor Bumiputera yang bakal terlibat di dalam *New National Car Project* (NNCP). Senaraikan keseluruhan vendor yang terlibat dan bidang pengkhususan masing-masing.

**JAWAPAN**

1. MED telah mewujudkan portal Projek Kereta Nasional Baharu (NNCP) di laman web rasmi Kementerian bertujuan untuk mengenal pasti bilangan vendor-vendor automotif yang mempunyai kemudahan dan infrastruktur untuk menyokong pembangunan NNCP. Sebanyak 137 syarikat telah berdaftar mengikut senarai alat dan komponen kereta yang dibekalkan oleh vendor yang diklasifikasikan seperti berikut:
  - (i) Metal Works (Dye and Assy Jig – Maintenance, Preventive, Periodic and Predictive);
  - (ii) Plastic: Mould and Assy Jig Design, Maintenance, Preventive, Periodic and Predictive);
  - (iii) Petrochemical and Smelters;
  - (iv) Steel (Steel Refiners, Rolling Mills, Non-Ferrous Smelter, Heavy Castings and Heavy Forgers);
  - (v) Supporting Industry (Engineering and Product Designers and tool, dye and mould maker);
  - (vi) Assembly (Plastic, Moulders, Extruders, Pressworks, Foundries, Diecasters and Rubber Moulder); dan
  - (vii) Sub Assemblers.
  
2. Kementerian dan Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT) (sebagai peneraju NNCP) sedang membuat analisis terhadap senarai vendor-vendor tempatan yang telah berdaftar dan akan diadakan padanan di antara syarikat *anchor* dan vendor bagi mengenal pasti komponen-komponen yang boleh dibekalkan. Hasil dari padanan syarikat *anchor* dan vendor akan mewujudkan mekanisme pembekalan alat dan komponen kereta yang lebih sistematik serta meningkatkan kemahiran teknikal dan pembangunan kapasiti supaya pembekalan alat dan komponen memenuhi standard dan kualiti NNCP.